

## ASTRONOMI

# Umat Islam perlu kembalikan kegemilangan sains angkasa


Pertengahan Julai lalu, dunia dikhabarkan mengenai sebuah kapal angkasa milik Amerika Syarikat (AS) yang selamat sampai ke Pluto, planet paling jauh dalam sistem suria. Kapal angkasa diberi nama *New Horizons* mengambil masa sembilan tahun enam bulan serta melalui jarak 4.8 bilion kilometer untuk sampai ke destinasi berhampiran planet berkenaan.

*New Horizons* dilancarkan Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas (NASA). Detik bersejarah itu disaksikan pegawai NASA, saintis, pakar sains angkasa, ahli akademik, wartawan dan peminat sains angkasa di Makmal Fizik Universiti Johns Hopkins apabila *New Horizons* memberi isyarat radio dan imej planet Pluto pertamanya ke bumi.

## Barat beri tumpuan teknologi sains angkasa

Melihat usaha serta tumpuan diberikan Barat terhadap aspek sains dan teknologi terutama sains angkasa sudah pasti mengundang rasa cemburu ramai pihak. Barat sudah lama memberi tumpuan bidang teknologi sains angkasa. Bermula dengan pelancaran satelit pertama pada tahun 1957 sehinggalah pendaratan manusia pertama ke bulan pada tahun 1969, kini mereka memberi tumpuan terhadap penerokaan planet yang berada dalam dan di luar sistem solar.

Persoalan timbul, di manakah sumbangan serta apakah peranan negara Islam dalam bidang sains angkasa. Perlu diingat, hubungan antara Islam dengan sains dan teknologi, ibarat isi de-



Kejayaan NASA melancarkan *New Horizons* yang merakamkan imej planet Pluto.

ngan kuku dan memberi sumbangan yang sama penting dalam membina sesebuah tamadun manusia.

Bidang sains wujud hasil perasaan ingin tahu manusia terhadap alam sekeliling dan antara cabang utama ilmu pengetahuan yang dapat diguna untuk meningkatkan keimanan terhadap Allah SWT. Islam menggalakkan kaedah pertanyaan secara saintifik atau kajian mendalam dan penelitian.

Kemajuan sains Islam diketahui hingga 1,400 Masihi menyaksikan banyak penemuan baharu sains Islam dalam bidang geografi, kosmologi, fizik, matematik, astronomi dan perubatan. Penerokaan bidang sains angkasa juga bu-

kanlah bidang baharu diterokai umat Islam. Bersandarkan sejarah, ia diterokai umat Islam ketika zaman kegemilangan Khalifah Umayyiah, Abbassiyah dan Uthmaniyyah.

## Tinggalan paling berharga

Balai Cerap Ulug Bek di Timur Tengah misalnya adalah ciptaan pakar kaji bintang terkemuka Islam, Mirzo Ulugbek. Ia adalah tinggalan paling berharga dunia sains khususnya astronomi Islam. Pembinaannya dipercayai bermula pada tahun 1428 selepas beliau menemui teori astronomi yang kemudian membawa kepada penghasilan manuskrip terpentingnya, *Zij al-Sultani*.

Isi kandungan karya agung itu antaranya membincangkan kai-

tan matahari, bumi dan bintang dalam penentuan masa dan bilangan hari dalam setahun. Selepas kematian Ulugbek, balai cerap itu musnah dan tidak diketahui lokasinya. Ia ditemui semula hasil kajian dan perbincangan kitab *Zij al-Sultan* di Universiti Oxford yang mendapat perhatian ramai ahli akademik khususnya dari Barat.

Ini cukup membuktikan bahawa Islam sudah lama mempepori sains angkasa. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab umat Islam mengembalikan zaman kegemilangan sains dan teknologi ini terutama penerokaan sains angkasa. Negara Islam melalui Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) serta kerjasama pakar di serata dunia Islam

boleh memainkan peranan menubuhkan agensi yang dapat menyaingi NASA bagi mendalami ilmu sains angkasa.

Umat Islam tidak seharusnya bertelagah serta membuang masa membincang isu remeh yang tidak membawa sebarang faedah sebaliknya bersatu serta mendalami segala bidang ilmu yang ada supaya tidak ketinggalan jauh berbanding pencapaian masyarakat Barat.

Penting untuk umat Islam berjaya mendalami segala cabang ilmu yang ada. Untuk berjaya di akhirat, adalah penting juga untuk umat Islam berjaya di dunia.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Universiti Sains Islam Malaysia

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bharian.com.my](mailto:bhforum@bharian.com.my)